

Harian Metro - 25/11/2021
m/s: 8

Najib kena hadir juga!

Putrajaya

Mahkamah Rayuan semalam menolak permohonan Datuk Seri Najib Razak untuk menangguhkan tarikh keputusan rayuannya terhadap sabitan dan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta kerana menyalahgunakan dana SRC International Sdn Bhd.

Perkara itu dimaklumkan melalui sepucuk surat yang ditandatangani Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan Mohd Khairi Haron kepada bekas Perdana Menteri, peguam utamanya Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dan pihak pendakwa-
waan.

"Dimaklumkan permohonan pihak perayu (Najib) untuk penangguhan tarikh keputusan tidak dibenarkan. Sehubungan itu, sila pastikan semua pihak hadir ke Mahkamah Rayuan Putrajaya pada tarikh yang di-

tetapkan," menurut surat berkenaan.

Timbalan Pendakwa Raya Mohd Ashrof Adrin Kamarul mengesahkan perkara itu.

Kelmarin, Najib memohon kepada Mahkamah Rayuan supaya melapangkan tarikh 8 Disember yang ditetapkan untuk keputusan rayuannya sabitan dan hukuman bagi kesalahan penyelewengan RM42 juta dana SRC International.

Menurut dokumen yang dihantar kepada Pendaftar Mahkamah Rayuan, Najib memohon menangguhkan tarikh keputusan itu kerana beliau berada di Singapura sehingga 5 Disember.

"Perayu (Najib) memohon supaya tarikh terbabit dilapangkan dan tarikh keputusan ditetapkan pada minggu be-


rikutnya, iaitu dari 13 Disember hingga 17 Disember atau mana-mana tarikh lain difikirkan sesuai oleh mahkamah," katanya.

Menurut dokumen itu, se kembalinya dari Singapura pada 5 Disember, Najib akan dikehendaki menjalani kuarantin sendiri selama tujuh hari sehingga 12 Disember dan hanya boleh menghadiri mahkamah atau perhimpunan awam mulai 13 Disember.

Dokumen itu juga menyatakan pasukan pendakwaan dimaklumkan mengenai perkara itu dan tidak membantah penetapan semula tarikh keputusan itu.

Dokumen itu menyatakan perbincangan kes pengubahan wang haram membabitkan

Muhammad Shafee di Mahkamah Tinggi juga ditetapkan untuk disambung semula pada 8 Disember se-



NAJIB

lain Najib turut perlu menghadiri perbincangan kes membabitkan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Mahkamah Tinggi.

Menurut dokumen itu, Muhammad Shafee juga perlu berada di Mahkamah Tinggi Shah Alam bagi mewakili anak guamnya dalam kes bunuh dari 20 Disember hingga 23 Disember.

Najib, 68, memfailkan rayuan terhadap keputusan

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 28 Julai tahun lepas yang menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta selepas mendapatinya bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan pecah amanah jenayah (CBT), pengubahan wang haram dan penyalahgunaan kedudukan, melibatkan dana SRC International berjumlah RM42 bilion.

Najib mohon tangguh kerana beliau di Singapura sehingga 5 Disember